Terms and Conditions

Banca Life/Family Takaful Customer Gift Campaign
Campaign Period: 2 November 2026 – 31 December 2026

REMINDER: The Eligible Customer (as defined below) is hereby reminded to read and understand the Terms and Conditions below which is available at https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. If the Eligible Customers do not understand any of the Terms and Conditions and the updated Terms and Conditions (if any), the Eligible Customers are advised to discuss with the Bank's licensed staff, representative or agent.

1. Definition

For the purpose of this Terms and Conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:

"**Bank**" means AmBank (M) Berhad (Company No: 196901000166 (8515-D)) and AmBank Islamic Berhad (Company No: 199401009897 (295576-U)), both companies incorporated under the laws of Malaysia and having their registered address at Level 22, Bangunan AmBank Group, No.55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Campaign**" means **Banca Life/Family Takaful Customer Gift Campaign** organised by the Bank in accordance with the Terms and Conditions stipulated herein.

"**Calendar Day**" means Monday to Sunday, including any public holiday.

"**Corresponding Banca/Family Takaful Plan**" means Regular Premium/Contribution Bancassurance/ Family Takaful product offered by AmMetLife Insurance Berhad/ AmMetLife Takaful Berhad.

"**Eligible Customer**" means all new and existing to the Bank's individual customers who meet all the eligibility criteria as provided in Clause 3 herein.

"**Insurance Company/Takaful Operator**" means AmMetLife Insurance Berhad for Policy or AmMetLife Takaful Berhad for Takaful Certificate.

"**Policy/Certificate**" means the insurance policy/takaful certificate between Insurance Company/Takaful Operator and Policy Owner/Certificate Holder whereby the terms and conditions of the insurance/takaful contract are stipulated.

"**Policy Owner/Certificate Holder**" means the person or party who owns an individual insurance Policy/Takaful Certificate.

"**Payor**" means the person who pays the Premium/Contribution*. This term is usually used when the person making the Premium/Contribution payments is different from the insured/participant. Example: Payor is the father, insured/participant is the son.

[1] Conventional terminologies are applicable to AmBank product, whilst Islamic terminologies are applicable to AmBank Islamic product.

"**Premium/Contribution**" means the amount paid by the insured/participant to buy/subscribe the insurance/family Takaful policy.

"**Prior Notice**" means notice issued by the Bank of certain facts or of a particular state of affairs of at least five (5) calendar day.

"**Life Assured/Participant**" means the person(s) whose life is covered in the insurance/Takaful coverage.

2. Campaign Period

The Campaign will commence on **2 November 2026 to 31 December 2026 (**both dates inclusive) ("**Campaign Period**") or such other period as may be determined by the Bank with Prior Notice to Eligible Customers.

3. Eligibility

3.1 The Campaign is open to all **new and existing individual** customers of the bank with an active AmBank/AmBank Islamic Current Account/Current Account-i or Savings Account/Savings Account-i (CASA/CASA-i).

3.2 Employees of the AmBank Group and their immediate family members (spouses, children, siblings and parents) are also Eligible to participate in this Campaign.

3.3 The following persons are NOT Eligible to participate in this Campaign:
a. Payor of the Bancassurance Life/ Family Takaful Policy/ Certificate; and
b. non-individual customers eg. sole-proprietorships, partnerships, charitable / non-profit organisations, corporate and commercial customers.

3.4 The Campaign is only applicable to new Product applications fulfilling the Terms and Conditions hereinafter appearing.

3.5 For the purpose of this Campaign, the participating Bancassurance/Bancatakaful products are listed below ("**Bancassurance/Bancatakaful Products**"):
- Global Signature
- WealthInspire
- i.Am Wealth Creator
- i.Am Wealth Achiever
- ProtectSecure (Insurance Premium ≥ Investment Premium)
- FlexiSecure-i Link (Takaful Contribution ≥ Investment Contribution)
- PrestigeWealth-i

3.6 The Premium/Contribution of Bancassurance/Bancatakaful Products must be paid in the **annual payment mode only.**

3.7 For ProtectSecure and FlexiSecure-i Link, the investment premium/contribution allocation must not be higher than the insurance/takaful premium/contribution component.

4. Campaign Offer

4.1 Subject to the Terms and Conditions hereinafter appearing, all Eligible Customer shall be rewarded with a sign on gift based on the category and criteria stated in table 1(A) and table 1(B) below ("**Gift**"):

Table 1 (A) Customer Gift campaign for Bancassurance/Bancatakaful Products

Tiering	Annual Premium/Contribution (RM)	Gift	Maximum Unit Allocated
1	≥ 300,000 & above	iPhone 18 pro 512GB	15
2	≥ 200,000 - < 300,000	iPad 128GB	25
3	60,000 - < 200,000	Apple AirPods 5	50

Table 1 (B) Customer Gift campaign for Global Signature only

Annual Premium (RM)	Gift	Maximum Unit Allocated
≥ 250,000 & above	iPhone Duo 512GB	10

4.2 For the avoidance of doubt, the Gift is only valid on a first come, first served basis and limited to the Maximum Unit allocated (as defined in Table 1 (A) and Table 1(B).

4.3 For the avoidance of doubt, Global Signature cases with Annual Premium exceeding RM250,000 and above will automatically qualify under Table 1(B), subject to the unit allocation available for Category 2.

4.4 The Annual Premium/ Contribution of Bancassurance/Bancatakaful Products excludes any Top up Premium/ Contribution.

4.5 All Eligible Customers shall be entitled to one (1) Reward as mentioned above if:

4.5.1 The completed proposal form(s) and payment are received by Insurance Company/Takaful Operator office within Campaign Period and subsequently approved by Insurance Company/Takaful Operator by 31 January 2027;

4.5.2 The Policy/Certificate is issued and passed the fifteen (15) calendar days cooling-off period; and

4.5.3 The Policy/Certificate must be in force to qualify for the reward fulfilment.

4.6 The Gift under this Campaign is not returnable and not exchangeable for up-front cash, credit, and cheque or benefit-in-kind.

4.7 The Bank reserves the right to substitute the Gift with one of a similar value at the Bank's discretion with prior notice.

4.8 Eligible Customer may purchase multiple Policies/Certificates, however, each Life Assured/Participant is entitled to a maximum of one (1) Gift only whichever with the highest value. Combining the Policies/Certificates annual Premium/Contribution is not allowed.

4.9 If there is any alteration done resulting a reduction of annual premium /contribution after the policy is in force, the Gift will be based on the lower Annual Premium.

4.10 The Campaign is not valid in conjunction with any other offers and promotions (if any) offered by the Bank in relation to Banca Products/ Takaful Product.

4.11 By participating in the Campaign, the Eligible Customer and/or any parties related herein agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow for the Customer's personal data being collected, processed and used by the Bank in accordance with the Bank Privacy Notice which is available on the Bank's official website at https://www.ambank.com.my/privacy-policy

5. Fulfilment Condition

5.1 Only Eligible Customers will be contacted by sales representative from the Bank within one hundred and twenty (120) Calendar Days after the Campaign ends.

5.2 It is the responsibility of the Eligible Customers to provide their valid and current contact details as required in the proposal form including mobile number and email address and promptly notifying the Bank if there are any changes. The Bank shall not be held responsible/liable if the Bank is unable to contact the Eligible Customers due to any inaccurate/ invalid contact details provided by the Eligible Customer. The Bank reserves the right to forfeit the Gift if invalid contact details were provided by the Eligible Customer or non-contactable through adequate means possible and reasonable best efforts.

5.3 For the avoidance of doubt, the Bank gives no representation or warranty with respect to the quality or suitability of the Gift (including but not limited to the value, validity and/or usage of the Gift and shall not be responsible to replace any lost, stolen or damaged Gift). In the event of defects in materials or workmanship by the manufacturer under warranty or otherwise, Eligible Customers shall deal directly with the manufacturer for any queries, disputes, warranty information or claims pertaining to the Gift without recourse to the Bank. All risks, loss, damage and/or injury associated with the use of the Gift shall be assumed by the Eligible Customers.

6. General Terms and Conditions

6.1 The Eligible Customer(s) are required to log on to the Bank's official website at http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions for any Campaign updates or for the latest terms and conditions, if any.

6.2 The Eligible Customer is required to sign all relevant standard documents of the Bank and comply with all terms and conditions in respect of their investments in the relevant products under the Campaign, which are separate from these terms and conditions.

6.3 The Bank shall have the right to disqualify any Eligible Customer from participating in the Campaign if the Bank in its discretion determines that:

(a) The said Eligible Customer has provided untrue information or acted fraudulently in any manner during the entry process or at any time during the Campaign Period; or
(b) The Eligible Customer has breached or potentially breached the Terms and Conditions herein.

6.4 The Bank shall have the right to vary, amend, delete or add to any of the Terms and Conditions set out herein, in whole or in any part from time to time including to vary the Campaign Period with Prior Notice.

6.5 For avoidance of doubt, any cancellation, termination or suspension by the Bank of this Campaign shall not entitle the Eligible Customer to any claim or compensation against the Bank for any and all losses or damage suffered or incurred by the Eligible Customer as direct or indirect result of the cancellation, termination or suspension.

6.6 Any notice issued by the Bank will be posted on the Bank's official website at www.ambank.com.my or any of the Bank's branches and such notice shall be deemed as delivered and notified to the Eligible Customers.

6.7 The Bank's decision on all matters relating to the Campaign shall be final and binding on all Eligible Customers.

6.8 Under no circumstances will the Bank be held liable for any of the followings:

(a) The Bank shall not be liable for any default in respect of this Campaign due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, technical or system failures or any event beyond the reasonable control of the Bank.

(b) The Bank shall not be liable to any Eligible Customer for any damage of whatsoever nature or loss suffered (such as loss of goodwill, income or profits or consequential, direct or indirect, exemplary, incidental, punitive or special damages) howsoever arising in relation to participation in the Campaign, or the Bank exercising its rights pursuant to any of the Terms and Conditions herein except where such actions, claims, direct losses, damages and expenses were directly attributable to the Bank's gross negligence, wilful default or fraud.

6.9 All questions concerning the construction, validity, enforcement and interpretation of the Terms and Conditions stipulated herein shall be governed by, construed and enforced in accordance with the laws of Malaysia. The parties hereby submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia for the purpose of any suit, action, or other proceeding arising out of or based on the Terms and Conditions herein.

6.10 The Bahasa Malaysia version of this Terms and Conditions is also available.

6.11 The Eligible Customers are required to log on to the Bank's official website at https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions for any updates or for the latest Terms and Conditions, if any.

6.12 For any assistance and/or feedback related to this Campaign, Eligible Customers may contact the Bank's Contact Centre from 9.00am-9.00pm, Monday to Sunday by calling Bank's Contact Centre at 03-2178 8888 or by e-mailing inquiries/feedback to customercare@ambankgroup.com.

TERMA DAN SYARAT

Kempen Hadiah Pelanggan Banca Life/Family Takaful
Tempoh Kempen: 2 November 2026 – 31 Disember 2026

PERINGATAN: Pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada) yang boleh didapati melalui https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini dan terma dan syarat yang terkini (sekiranya ada), Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

1 Definisi

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai maksud yang diberikan kepadanya melainkan jika konteksnya menghendaki sebaliknya:

"**Bank**" bermaksud AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)) dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)), kedua-duanya merupakan syarikat yang diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Aras 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**Kempen**" bermaksud Kempen Hadiah Pelanggan Banca Life/Family Takaful yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

"**Hari Kalendar**" bermaksud Isnin hingga Ahad, termasuk mana-mana cuti umum.

"**Pelan Banca/ Takaful Keluarga Berkaitan**" bermaksud produk Regular Premium/Contribution Bancassurance/ Takaful Keluarga yang ditawarkan oleh AmMetLife Insurance Berhad/AmMetLife Takaful Berhad.

"**Pelanggan Layak**" bermaksud semua pelanggan individu baharu dan sedia ada Bank yang memenuhi semua kriteria kelayakan yang diperuntukkan dalam Klausa 3 di sini.

"**Syarikat Insurans/ Pengendali Takaful**" bermaksud AmMetLife Insurance Berhad bagi Polisi atau AmMetLife Takaful Berhad bagi Sijil Takaful.

"**Polisi/Sijil**" bermaksud polisi insurans/sijil takaful antara Syarikat Insurans/Pengendali Takaful dengan Pemilik Polisi/Pemegang Sijil yang memperuntukkan terma dan syarat kontrak insurans/takaful tersebut.

"**Pemilik Polisi/Pemegang Sijil**" bermaksud individu atau pihak yang memiliki Polisi Insurans/Sijil Takaful perlindungan.

"**Pembayar**" bermaksud individu yang membayar Premium/Sumbangan[1]. Istilah ini biasanya digunakan apabila individu yang membuat pembayaran Premium/Sumbangan berbeza daripada orang yang diinsuranskan/peserta. Contoh: Pembayar ialah bapa, manakala orang yang diinsuranskan/peserta ialah anak.

[1] Terminologi konvensional terpakai bagi produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai bagi produk AmBank Islamic.

"**Premium/Sumbangan**" bermaksud amaun yang dibayar oleh orang yang diinsuranskan/peserta untuk membeli atau melanggan polisi insurans/takaful keluarga.

"**Notis Terdahulu**" bermaksud notis yang dikeluarkan oleh Bank berhubung fakta tertentu atau sesuatu keadaan sekurang-kurangnya lima (5) Hari Kalendar terlebih dahulu.

"**Hayat Diinsuranskan/Peserta**" bermaksud individu yang hayatnya dilindungi di bawah kontrak insurans/takaful.

2 Tempoh Kempen

Kempen ini akan bermula pada **2 November 2026 hingga 31 Disember 2026** (kedua-dua tarikh termasuk) ("Tempoh Kempen") atau apa-apa tempoh lain yang boleh ditentukan oleh Bank dengan memberikan Notis Terdahulu kepada Pelanggan Layak.

3 Kelayakan

3.1 Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan **individu baharu dan sedia ada** yang mempunyai Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i (CASA/CASA-i) AmBank/AmBank Islamic yang aktif.

3.2 Kakitangan Kumpulan AmBank dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, adik-beradik dan ibu bapa) juga layak menyertai Kempen ini.

3.3 Individu berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
   a. Pembayar bagi Polisi/Sijil Bancassurance Life/ Takaful Keluarga; dan
   b. pelanggan bukan individu, contohnya pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi kebajikan/bukan berasaskan keuntungan serta pelanggan korporat dan komersial.

3.4 Kempen ini hanya terpakai kepada permohonan Produk baharu yang memenuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan selepas ini.

3.5 Bagi tujuan Kempen ini, produk Bancassurance/Bancatakaful yang mengambil bahagian adalah seperti berikut ("**Produk Bancassurance/Bancatakaful**"):
   - Global Signature
   - WealthInspire
   - i.Am Wealth Creator
   - i.Am Wealth Achiever
   - ProtectSecure (Premium Insurans ≥ Premium Pelaburan)
   - FlexiSecure-i Link (Sumbangan Takaful ≥ Sumbangan Pelaburan)
   - PrestigeWealth-i

3.6 Premium/Sumbangan bagi Produk Bancassurance/Bancatakaful hendaklah dibayar melalui **mod pembayaran tahunan sahaja**.

3.7 Bagi ProtectSecure dan FlexiSecure-i Link, premium/sumbangan pelaburan tidak boleh melebihi komponen premium/sumbangan insurans/takaful.

4 Tawaran Kempen

4.1 Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan selepas ini, semua Pelanggan yang Layak akan diberikan hadiah pendaftaran berdasarkan kategori dan kriteria yang dinyatakan dalam Jadual 1(A) dan Jadual 1(B) di bawah ("Hadiah"):

Jadual 1(A): Kempen Hadiah Pelanggan bagi Produk Bancassurance/Bancatakaful

Tahap	Premium/Sumbangan Tahunan (RM)	Hadiah	Peruntukan Unit Maksimum
1	≥ 300,000 dan ke atas	iPhone 18 pro 512GB	15
2	≥ 200,000 - < 300,000	iPad 128GB	25
3	60,000 - < 200,000	Apple AirPods 5	50

Jadual 1(B): Kempen Hadiah Pelanggan bagi Global Signature sahaja

Premium/Sumbangan Tahunan (RM)	Hadiah	Peruntukan Unit Maksimum
≥ 250,000 dan ke atas	iPhone Duo 512GB	10

4.2 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Hadiah hanya sah berdasarkan prinsip "siapa dahulu, dia didahulukan" dan tertakluk kepada Peruntukan Unit Maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1(A) dan Jadual 1(B).

4.3 Bagi mengelakkan keraguan, kes *Global Signature* dengan Premium Tahunan sebanyak RM250,000 dan ke atas akan secara automatik layak di bawah Jadual 1(B), tertakluk kepada ketersediaan unit yang diperuntukkan bagi Kategori 2.

4.4 Premium/Sumbangan Tahunan bagi Produk Bancassurance/Bancatakaful tidak termasuk sebarang Premium/Sumbangan Tambahan.

4.5 Semua Pelanggan layak menerima satu (1) Ganjaran seperti yang dinyatakan di atas sekiranya:

4.5.1 Borang cadangan yang lengkap dan pembayaran diterima oleh pejabat Syarikat Insurans/Pengendali Takaful dalam Tempoh Kempen dan kemudiannya diluluskan oleh Syarikat Insurans/Pengendali Takaful selewat-lewatnya pada 31 January 2027;

4.5.2 Polisi/Sijil telah dikeluarkan dan melepasi tempoh bertenang selama lima belas (15) Hari Kalendar; dan

4.5.3 Polisi/Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa bagi melayakkan Pelanggan menerima Ganjaran.

4.6 Hadiah di bawah Kempen ini tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat dalam bentuk barangan.

4.7 Bank berhak menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara atas budi bicara Bank dengan memberikan Notis Terdahulu.

4.8 Pelanggan Layak boleh membeli lebih daripada satu Polisi/Sijil. Walau bagaimanapun, setiap Hayat Diinsuranskan/Peserta hanya layak menerima maksimum satu (1) Hadiah sahaja, iaitu Hadiah yang mempunyai nilai tertinggi. Penggabungan Premium/Sumbangan Tahunan daripada beberapa Polisi/Sijil adalah tidak dibenarkan.

4.9 Sekiranya terdapat sebarang perubahan yang dibuat selepas polisi berkuat kuasa yang mengakibatkan pengurangan Premium/Sumbangan Tahunan, Hadiah akan ditentukan berdasarkan Premium/Sumbangan Tahunan yang lebih rendah.

4.10 Kempen ini tidak sah digunakan bersama dengan mana-mana tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh Bank berkaitan dengan Produk Banca/Produk Takaful.

4.11 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak dan/atau mana-mana pihak berkaitan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta bersetuju dan memberikan persetujuan supaya data peribadi Pelanggan dikumpul, diproses dan digunakan oleh Bank menurut Notis Privasi Bank yang boleh didapati di laman web rasmi Bank di https://www.ambank.com.my/privacy-policy.

5 Syarat Pemenuhan

5.1 Hanya Pelanggan Layak akan dihubungi oleh wakil jualan Bank dalam tempoh seratus dua puluh (120) Hari Kalendar selepas Kempen berakhir.

5.2 Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk memberikan butiran perhubungan yang sah dan terkini seperti yang diperlukan dalam borang cadangan, termasuk nombor telefon bimbit dan alamat e-mel, serta memaklumkan kepada Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung liabiliti sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan Layak disebabkan oleh butiran perhubungan yang tidak tepat atau tidak sah yang diberikan oleh Pelanggan Layak. Bank berhak melucutkan Hadiah sekiranya Pelanggan Layak memberikan butiran perhubungan yang tidak sah atau tidak dapat dihubungi selepas Bank menggunakan kaedah yang mencukupi dan usaha terbaik yang munasabah.

5.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Bank tidak memberikan sebarang representasi atau jaminan berhubung dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada nilai, kesahan dan/atau penggunaan Hadiah tersebut) dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan pada bahan atau mutu kerja oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau selainnya, Pelanggan yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang bagi sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah tersebut tanpa sebarang hak tuntutan terhadap Bank. Segala risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah tersebut hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan yang Layak.

6 Terma dan Syarat Am

6.1 Pelanggan Layak dikehendaki melayari laman web rasmi Bank di http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions untuk sebarang kemas kini Kempen atau Terma dan Syarat terkini, jika ada.

6.2 Pelanggan Layak dikehendaki menandatangani semua dokumen standard Bank yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berhubung pelaburan mereka dalam produk berkaitan di bawah Kempen ini, yang merupakan terma dan syarat yang berasingan daripada Terma dan Syarat ini.

6.3 Bank berhak membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen ini sekiranya Bank, menurut budi bicaranya, menentukan bahawa:

(a) Pelanggan Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak secara penipuan dalam apa jua cara semasa proses penyertaan atau pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen; atau

(b) Pelanggan Layak telah melanggar atau berkemungkinan melanggar Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.

6.4 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberikan Notis Terdahulu.

6.5 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak akan memberi hak kepada Pelanggan Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau mendapatkan pampasan daripada Bank bagi apa-apa dan segala kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

6.6 Sebarang notis yang dikeluarkan oleh Bank akan dipaparkan di laman web rasmi Bank di www.ambank.com.my atau di mana-mana cawangan Bank, dan notis tersebut hendaklah dianggap telah disampaikan dan dimaklumkan kepada Pelanggan Layak.

6.7 Keputusan Bank berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan Layak.

6.8 Dalam apa jua keadaan sekalipun, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi perkara berikut:

(a) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan berhubung Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa kejadian bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan masuk kerja, tindakan perusahaan, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

(b) Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan Layak bagi sebarang kerosakan dalam apa jua bentuk atau kerugian yang dialami (seperti kehilangan nama baik, pendapatan atau keuntungan, atau ganti rugi turutan, langsung atau tidak langsung, teladan, sampingan, punitif atau khas), walau bagaimana sekalipun timbul berhubung penyertaan dalam Kempen ini atau pelaksanaan hak Bank menurut mana-mana Terma dan Syarat ini, kecuali jika tindakan, tuntutan, kerugian langsung, kerosakan dan perbelanjaan tersebut berpunca secara langsung daripada kecuaian teruk, keingkaran disengajakan atau penipuan oleh Bank.

6.9 Segala persoalan berhubung pembentukan, kesahan, penguatkuasaan dan tafsiran Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini hendaklah ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasakan menurut undang-undang Malaysia. Para pihak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia bagi tujuan apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan Terma dan Syarat ini.

6.10 Versi Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini turut disediakan.

6.11 Pelanggan Layak dikehendaki melayari laman web rasmi Bank di https://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions untuk sebarang kemas kini atau Terma dan Syarat terkini, jika ada.

6.12 Bagi sebarang bantuan dan/atau maklum balas berkaitan Kempen ini, Pelanggan Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Bank dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam, Isnin hingga Ahad, dengan menghubungi 03-2178 8888 atau menghantar pertanyaan/maklum balas melalui e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.